

Dana lebih \$2j ditubuh bagi galak kajian perbaiki khidmat sosial

SATU dana \$2.37 juta bagi menggalak kajian memperbaiki jumlah dan penyampaian khidmat sosial ditubuhkan semalam.

Dana Pembiayaan Kajian Cik Lee Choon Guan itu ditubuhkan di Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan Universiti Nasional Singapura (NUS), menggunakan hadiah dermawan daripada Dana Amanah Cik Lee Choon Guan.

Dana itu akan menyokong projek kajian yang melibatkan pengkaji NUS dan pekerja sosial bekerjasama bagi menangani cabaran berkhidmat dalam sektor khidmat sosial di sini, kata NUS.

Menerusi proses itu, pekerja sosial diharap dapat membina keupayaan menangani isu setempat yang berbeza.

Menurut NUS, hasil kajian itu juga boleh membantu meningkatkan penyampaian, desain dan kemudahan akses kepada khidmat sosial.

Kajian tersebut juga diharap dapat memperbaiki kesejahteraan pengguna khidmat, dan memberi sumbangan kepada perbincangan mengenai dasar antara pemberi khidmat sosial dengan pemerintah.

Dana kajian baru itu akan ditadbirkan Jabatan Kerja Sosial NUS.

Ketua Jabatan Kerja Sosial NUS, Profesor Madya Esther Goh, berkata perkembangan itu tepat pada masanya, kerana terdapat keperluan bagi kajian berunsur amali dalam sektor khidmat sosial, bagi mempelopori pembentukan dasar berasaskan bukti, perancangan sumber dan latihan pekerja sosial bagi berkhidmat kepada penduduk Singapura yang berbilang budaya.

Ketua khidmat langsung dan pengetua pekerja sosial di Yayasan Barah Kanak-kanak (CCF), Cik Ng Hwee Chin, berkata latihan berunsur amali adalah bahagian penting peruntukan bagi program yang berkesan.

“Dengan melaksanakan kajian

berunsur amali, pelaksana meraih pemahaman dalaman dan sistematis tentang pengalaman pelanggan sebagai penerima bantuan,” ujarnya.

Pemegang amanah Dana Amanah Cik Lee Choon Guan, Encik Keith Chua, berkata dengan bekerjasama dengan NUS, ia berharap kajian yang terhasil menerusi inisiatif itu turut berguna di masyarakat lain, di rantau ini atau antarabangsa.

Pemohon yang berjaya boleh menerima dana antara \$20,000 dengan \$30,000 bagi setiap projek kajian, berdasarkan kesan dan kesesuaiannya.

Setiap projek dijangka dapat diselesaikan dalam tempoh tiga tahun.

Usulan projek juga perlu menghasilkan bahan yang boleh dilaksanakan dalam latihan atau bahan pengajaran.

Pendaftaran sulung bagi dana itu akan dibuka pada 2018.